

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI AHMAD MASLAN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS MAKAN MALAM
PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC)
JKR MALAYSIA TAHUN 2024**

27 MEI 2024 (ISNIN)

8.00 MALAM

**WYNDHAM ACMAR HOTEL,
KLANG SELANGOR**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis;

SALUTASI

- Disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola (JKR Selangor) -

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA
YAB MENTERI BESAR SELANGOR**

1. Terlebih dahulu mengambil kesempatan di sini, saya mewakili Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya YAB Dato' Seri Haji Amirudin bin Shari Menteri Besar Selangor atas kesudian meluangkan masa serta menaja Majlis Makan Malam sempena Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia Tahun 2024 pada malam ini.

2. Sesungguhnya kami amat terharu dan berbesar hati atas jemputan daripada Kerajaan Negeri dan Alhamdulillah kita dapat berkumpul bersama-sama pada malam ini. Terima kasih YAB Dato' Seri dan Kerajaan Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC) JKR MALAYSIA TAHUN 2024

3. Untuk makluman YAB Dato' Seri, Datuk-Datuk dan hadirin sekalian, Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia merupakan program tahunan JKR yang diadakan di negeri-negeri mengikut giliran. JKR Negeri Selangor telah dipilih sebagai tuan rumah untuk Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2024 yang berlangsung selama tiga (3) hari iaitu bermula pada hari ini, 27 Mei sehingga 29 Mei 2024.

4. Persidangan yang bertemakan “Kita JKR : Teguh Berdiri Memenuhi Harapan” dapat dijayakan, hasil kerjasama dan komitmen daripada semua pihak. Alhamdulillah persidangan kali ini berjaya menghimpunkan kehadiran seramai 450 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Atasan JKR, Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera Daerah serta pegawai-pegawai Kanan JKR dari seluruh negara.

5. Pelbagai pengisian telah disusun sepanjang berlangsungnya persidangan ini termasuklah penganjuran lawatan sosial bagi ahli keluarga pegawai ke beberapa destinasi menarik di Selangor. Antaranya Perkampungan Mah Meri, Pulau Carey, Masjid Negeri dan Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam.

YAB Dato' Seri, Dato Sri-Dato Sri, Datuk-Datuk dan hadirin yang dihormati sekalian,

PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN KEPADA NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

6. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam menyelesaikan isu keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya di Negeri Selangor. Merujuk kepada rekod aduan yang diterima, Negeri Selangor sentiasa berada di *ranking* atas bagi carta aduan setiap bulan.

7. Melihat kepada senario tersebut, YB Menteri Kerja Raya bersama pegawai-pegawai kanan beliau telah melaksanakan program turun padang melawat kawasan-kawasan aduan, contohnya yang terkini pada **15 Mei 2024 iaitu di FT54 Jalan Kepong Sg Buloh bagi isu kerosakan lampu jalan, 19 Mei 2024 di FT3210 Jalan Masuk ke Kawasan Perindustrian Hulu Langat bagi isu banjir kilat dan juga pada 26 Mei 2024 di laluan motorsikal FT002 Lebuhraya Persekutuan.**

8. Saya juga telah turut sama turun padang bagi program sebegini. Antaranya pemasangan Jambatan Bailey di Hulu Langat yang saya sendiri hadiri pada 17 Mei 2024 yang lalu. Jambatan Bailey tersebut telah siap dipasang dalam tempoh 36 jam, yakni lebih cepat daripada kebiasaan. Tahniah atas kerjasama utuh dan semangat juang yang ditonjolkan oleh pasukan di tapak, terutamanya JKR Daerah Hulu Langat dan JKR Daerah Petaling, demi keselamatan dan kegunaan rakyat.

9. Pada tahun ini **Kementerian Kerja Raya juga telah menyalurkan peruntukan penyenggaraan Jalan Persekutuan untuk negeri Selangor melalui JKR Selangor sebanyak RM 191 Juta.** Peruntukan tersebut adalah di bawah program Berkala Pavemen, Berkala Bukan Pavemen, Penyenggaraan Rutin dan lain-lain peruntukan seperti Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Berlampu Isyarat (LPKSI), *blackspot*, kecemasan, komited dan Peruntukan Khas Jurutera Daerah.

10. Daripada jumlah peruntukan itu, **peruntukan di bawah Geran Padanan Pelabuhan Klang 2024 di Daerah Klang telah diluluskan sebanyak RM 45.744 juta.**

11. Kementerian Kerja Raya juga sentiasa cakna dan prihatin akan usaha-usaha penambahbaikan infrastruktur Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat di Jalan Persekutuan di Negeri Selangor. **Untuk itu, sebanyak RM 18.5 Juta telah disalurkan melalui program Penyenggaraan Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat di Jalan Persekutuan di Negeri Selangor.** Semoga dengan penyaluran peruntukan ini dapat membantu Negeri Selangor mengurangkan kadar aduan yang diterima, seterusnya membantu mengurangkan kadar kemalangan terutamanya di kawasan gelap.

12. Selain itu, terdapat **tujuh (7) bilangan projek persekutuan di bawah peruntukan Kementerian Kerja Raya dalam peringkat pembinaan di Negeri Selangor yang melibatkan kos siling sebanyak RM 2.2 Billion.** Besar harapan saya agar segala pelaksanaan projek

yang dirancang berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mengikut tempoh masa sepertimana yang termaktub di dalam kontrak.

MAKLUM BALAS KEPADA HASRAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

13. Kementerian Kerja Raya juga telah mengangkat permohonan peruntukan menggantikan **Lampu LED dan pemasangan Lampu Solar di Jalan Persekutuan sekitar KLIA** dan telah diluluskan sebanyak **RM 5 Juta**.

Manakala permohonan peruntukan tambahan berjumlah RM 17.8 juta berhubung **penyelenggaraan jalan sekitar KLIA** telah diangkat kepada pihak Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

PENUTUP

14. Kami di Kementerian Kerja Raya Malaysia sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang jitu kepada JKR Negeri Selangor dalam melaksanakan perancangan dan pelaksanaan projek-projek Pembangunan dan Penyelenggaraan di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

15. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri atas usaha dan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam penyediaan prasarana awam di negeri Selangor demi kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor atas

penganjuran Majlis Makan Malam sempena Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia Tahun 2024. Diharapkan hubungan baik dan kerjasama rapat antara Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Negeri dapat diperkukuhkan lagi pada masa-masa akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.